

BAB 2

PENGAJARAN MAF'U:L BIH DI KOLEJ ISLAM PAHANG KUANTAN

2.0 Pengenalan

Melalui bab ini, penulis meneliti dan meninjau dengan lebih dekat bagaimana pendekatan, kaedah, teknik dan strategi yang digunakan dalam pengajaran tatabahasa atau nahu Arab, khususnya yang melibatkan penggunaan *maf'u:l bih*. Penulis akan membincangkan mengenai pengajaran Nahu Arab yang melibatkan objektif pengajian nahu, dasar-dasar pengajian nahu, teori kaedah-kaedah pengajian nahu serta pengajaran *maf'u:l bih* di Kolej Islam Pahang Kuantan.

2.1 Kepentingan BA

Raymond Tohhan dan Denniz Peter Tohhan (1984:6) menjelaskan bahawa BA adalah bahasa al-Qur'a:n dan bahasa agama umat Islam seluruhnya. Perkembangan BA adalah seiring dengan perkembangan al-Qur'a:n. BA tidak hanya khusus dan terhad kepada bangsa Arab sahaja tetapi juga berperanan sebagai bahasa antarabangsa yang mempunyai ciri-ciri tamadunya yang tersendiri.

Ahmed Ghoneim (1993:215) menjelaskan,

"Golongan orientalis seperti orang-orang Jerman, Perancis, Inggeris dan Itali sewaktu berhadapan dengan kajian Islam, mereka tidak teragak-agak untuk mempelajari BA yang menjadi alat untuk mengkaji

Islam menerusi sumber-sumbernya yang asli dan utama. Profesor Montgomery Watt, Dekan Pengajian Timur di Universiti Edinburgh misalnya mula-mula menjadi pensyarah di dalam kajian Nusus Arabiah. Beliau kemudian bertukar menjadi ketua bagi Kajian Timur di Britain tentang Sejarah dan Kajian Am Islam."

Melalui kenyataan ini jelas kepada kita betapa sarjana-sarjana Barat atau lebih dikenali dengan orientalis Barat amat menitikberatkan penguasaan BA dalam kajian mereka mengenai Islam. Mereka sanggup melakukan apa sahaja demi menguasai selok-belok ilmu-ilmu Islam dengan menguasai BA.

Sementara itu Mazlan Nordin (2002:10) membuat ulasan mengenai orientalis Barat.

"Antara orientalis yang anti Islam ialah Henri Lemmens (1862-1937) seorang rahib dari Belgium yang pada satu masa menjadi profesor sejarah Islam. Seperti disebut oleh penterjemah karya Bennabi, Mohammad al-Tahir al-Musawiy, rahib tersebut begitu fanatik menentang Islam dan Nabi Muhammad SAW hingga tergamak memutar belit fakta-fakta sejarah. "

Segala tindakan negatif golongan orientalis tersebut terhadap Islam tidak akan berhasil kecuali setelah mereka benar-benar dapat menguasai BA dengan sepenuhnya.

Yu:sof Hassan (2001:7) telah menjelaskan mengenai syarat-syarat bagi seseorang mujtahid untuk berjihad dalam sesuatu masalah hukum fekah mestilah mengetahui kaedah ilmu BA

yang terdiri daripada ilmu nahu, sarf dan balaghah sebagai rukun istinbat hukum-hukum syarak yang berdasarkan dua sumber hukum yang asas iaitu al-Qur'a:n dan al-Sunnah. Rumusan yang dapat kita simpulkan ialah BA yang berteraskan ilmu nahu, sarf dan balaghah merupakan kunci atau "password" kepada pintu ijtihad.

Ahmad Ma:her al-Baqri (1989:16) menjelaskan bahawa para penulis telah membuat pemerhatian terhadap ilmu lughat iaitu setiap kali bertambahnya kedudukan Islam di kalangan umatnya maka bertambahlah kepentingan BA.

Sayyid Ya'qu:b Bakr (dalam Ahmed Ma:her 1984:17) telah menerangkan,

"Pada zaman pemerintahan kerajaan Mamalek dari tahun 1250 masihi, BA dan agama Islam telah sampai kemuncak zaman kegemilangan dan penguasaannya sehingga mengakibatkan kepupusan bahasa Qibtiy yang benar-benar lenyap pada kurun ke enam belas."

Muhammad 'A:dil 'Abdul Maji:d Sya'ba:n (1994: 91) pula menjelaskan,

"Ribuan buku-buku ilmiah BA telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin yang digunakan di sekolah-sekolah di Eropah. Wujud banyak perkataan Arab dalam bahasa Eropah moden. Di Sepanyol terdapat sekurang-kurangnya 4000 perkataan Arab dan di Portugal pula terdapat 3000 perkataan Arab. Walt Taylor, seorang cendekiawan Inggeris telah menyatakan bahawa terdapat 1000 perkataan Inggeris yang berasal daripada BA dan sejumlah 260 perkataan asasi BA masih digunapakai dalam bahasa Inggeris seharian. "

Muhammad 'A:dil juga telah membawa beberapa contoh perkataan Inggeris yang berasal daripada perkataan Arab serta tahun penggunaannya.

- i. Perkataan al-Gebra adalah berasal daripada perkataan Arab (الجبر). Mula digunapakai pada tahun 1452 masihi.
- ii. Perkataan Geb raltar diambil daripada perkataan Arab (طارق جبل). Tahun penggunaannya pada 1592 masihi.
- iii. Perkataan Cable berasal daripada (حبل) digunapakai pada tahun 1205 masihi.
- iv. Perkataan Syrup berasal daripada (شراب) digunakan pada tahun 1392 masihi.
- v. Perkataan Lemon berasal daripada (ليمون) digunakan pada tahun 1400 masihi.
- vi. Perkataan Sahara berasal daripada (صحارى) digunakan pada tahun 1862 masihi.

Selain daripada contoh-contoh yang disebutkan tadi banyak lagi contoh-contoh lain yang menunjukkan perkataan Inggeris dan Eropah telah meminjam perkataan Arab bagi digunakan di dalam bahasa mereka. Antara faktor penting peminjaman istilah bahasa Eropah daripada BA ialah perkembangan ilmu pengetahuan yang telah mencapai zaman kemuncak kegemilangannya pada zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah terutamanya zaman pemerintahan khalifah Ha:ru:n al-Rashi:d dan khalifah al-Makmu:n.

Pada masa tersebut sejumlah besar buku-buku ilmiah karangan ulama Islam telahpun diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah. Sarjana-sarjana Barat telah "berkampung" di kota

Baghdad untuk menimba segala ilmu pengetahuan. Barat pada zaman tersebut berada dalam suasana kegelapan dan ketandusan ilmu pengetahuan.

BA juga merupakan antara bahasa utama dunia masa kini. Dianggarkan 280 juta orang penduduk dunia hari ini menggunakan BA sebagai bahasa utama, yang kebanyakannya tinggal di Timur Tengah dan Utara Afrika, manakala 250 juta orang penduduk dunia merupakan penutur yang menjadikan BA sebagai bahasa kedua. (http://en.wikipedia.org/wiki/Arabic_language: 4 November 2009). Kepentingan BA juga terserlah apabila bahasa ini diiktiraf sebagai salah satu daripada bahasa rasmi dalam persidangan PBB dan persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa lainnya. (Ibra:hi:m Ahmad al-Fa:risiyy (2001:169)

Arnest Renan, seorang orientalis barat mengakui kehebatan BA apabila beliau dipetik sebagai berkata “di antara perkara yang paling menakjubkan ialah bahasa yang kuat itu (BA) lahir dan mencapai tahap kesempurnaan di tengah-tengah padang pasir dalam kalangan manusia yang berpindah randah”. (Muhammad Da:riyy Hama:diyy;1982:48)

Jasa BA dalam memberikan sumbangan kepada perkembangan tamadun manusia, lebih-lebih lagi semasa bahasa ini menjadi bahasa rasmi kepada tamadun Islam yang telah mengubah tamadun kehidupan manusia di Timur dan juga di Barat, tidak boleh disangkal lagi. Banyak karya-karya agung yang dihasilkan di zaman kegemilangan Islam oleh tokoh ilmuwan tersohor seperti Ibn Si:na:’ Ibn Khaldu:n, al-Khawa:rizmiyy, Ibn Rushd, al-Fara:biyy dan lain-lain yang telah dimanfaatkan dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia.

2.2 BA di Malaysia

Perkembangan BA di Malaysia adalah seiring dengan perkembangan Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab dari Timur Tengah yang berperanan sebagai para mubaligh Islam. Pengajaran al-Qur'a:n adalah teras yang mendorong ke arah usaha mempelajari BA bertujuan mengetahui selok- belok hal-hal yang berkaitan dengan ibadat, fardhu ain dan sebagainya.

Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain (1992:4) menjelaskan bahawa pada zaman kedatangan Islam pula, bahasa Melayu telah bertembung dengan BA. Pengaruh BA pada bahasa Melayu besar sekali. Bukan hanya perkataan-perkataan Arab telah diambil masuk ke dalam bahasa Melayu tetapi yang lebih penting adalah penggunaan bahasa itu oleh ulama-ulama bukan Melayu seperti Nuruddin al-Raniri untuk memperkatakan hal-hal yang mendalam tentang falsafah dan tasawuf.

Jelas Raja Mukhtaruddin lagi (1992:47,

"Bagi pengguna- pengguna bahasa Melayu, tulisan Jawi itu amat bererti kerana kebanyakan orang di Semenanjung Malaysia ini, adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam. Yang demikian tulisan Jawi itu rapat sekali kaitannya dengan kepercayaan mereka kerana al-Qur'a:n, kitab suci mereka ditulis dalam tulisan Jawi (Arab) dan harus dibaca dengan tepat dalam sembahyang dan doa mereka. "

'Abdul Hamid 'Othman, Zaina:l 'A:bidi:n 'Abdul Qa:dir dan 'Abdul 'Azi:z Andek Achok (1993:191) telah menjelaskan matlamat penubuhan sekolah-sekolah Agama dan Arab di Malaysia,

"Penubuhan ini bertujuan menjadi benteng mempertahankan pegangan umat Islam kepada agamanya yang digugat oleh sistem persekolahan ciptaan kerajaan penjajah yang membolehkan badan-badan misi Kristian memainkan peranan penting dalam perjalanan sekolah-sekolah pada masa itu. Sekolah-sekolah Inggeris itu telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan umat Islam kerana pembawaan di sekolah-sekolah itu bertentangan dengan agama dan tata susila orang Islam. "

Gambaran jelas yang ingin dipaparkan oleh kenyataan di atas kepada kita ialah betapa pentingnya gabungan pendidikan yang berteraskan agama dan BA dijalankan serentak bagi melahirkan generasi pelajar yang cemerlang sama ada dari sudut akademik dan juga agama. Penggunaan BA di Malaysia sebenarnya agak terhad iaitu digunapakai pada peringkat awalnya di sekolah-sekolah agama atau di sekolah-sekolah pondok.

Kemudiannya BA berkembang hingga mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi awam seperti di Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Universiti Islam Antarabangsa Gombak dan lain-lain lagi termasuk di institusi-institusi pengajian tinggi swasta seperti di Kolej Islam Pahang, Kuantan dan sebagainya.

BA terus mendapat tempat di Malaysia apabila kerajaan memperkenalkan program J-Qaf di sekolah-sekolah rendah kebangsaan pada tahun 2005 ke arah pembinaan generasi Muslim yang celik al-Qur'a:n, Jawi dan Fardu Ain dan BA.

Perkembangan BA di Malaysia turut disemarakkan dengan apa yang dilaksanakan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di Malaysia menawarkan pengajaran BA sebagai bahasa kedua (TASEL).

Antara subjek-subjek BA yang menjadi tumpuan utama diajar di KIPSAS ialah Nahu, Sarf, Bala:ghah, Kita:baṭ al-Maqa:l, Hiwa:r, Istima' dan lain-lain. Selain subjek BA, subjek bahasa Inggeris, komputer, pengurusan dan matematik turut diajar sama di kolej ini. Untuk makluman, kesemua subjek teras BA diajar dengan menggunakan BA sebagai bahasa pengantar. Tujuan utamanya ialah untuk mewujudkan suatu suasana dan persekitaran BA yang dapat membantu pelajar berinteraksi dan berkomunikasi dengan guru-guru dan rakan-rakan mereka dengan menggunakan BA sebagai bahasa utama.

Melalui pemerhatian penulis sendiri, ramai di kalangan pelajar yang berasa malu untuk bertutur dan berkomunikasi sesama mereka dengan menggunakan BA. Kemungkinan berlaku perkara demikian ialah kerana telah menjadi tabiat semulajadi pelajar Melayu yang cepat berasa malu untuk berbual sesama mereka dengan menggunakan BA kerana sifat rakan-rakan mereka yang suka mentertawakan diri oranglain sekiranya mereka tersilap dalam menggunakan bahasa tersebut semasa berkomunikasi.

2.3 Pengajaran Nahu Arab

Pengajaran nahu BA memainkan peranan penting ke arah menguasai BA sepenuhnya. Nahu Arab diumpamakan seperti "anak kunci" kepada BA. Jika nahu tersebut mampu dipelajari dan dikuasai secara komprehensif maka tidak sukar untuk mengaplikasinya sama ada dalam penulisan atau pun pertuturan harian.

2.3.1. Definisi Nahu

Nahu bermaksud kaedah-kaedah yang menerangkan keadaan perkataan sama ada dalam bentuk *mufrad* (kata tunggal), ayat, *mabniyy* atau pun *mu'rab*.¹ Nahu juga bermaksud kaedah-kaedah yang membincangkan kedudukan baris akhir perkataan sama ada berbentuk *mu'rab* atau pun *mabniy*.

Ilmu nahu adalah suatu ilmu yang menumpukan kepada *i'ra:b* atau perubahan baris akhir perkataan dan struktur ayat yang membezakan umpamanya di antara *fa:'il* dan *maf' 'u:l*, subjek dan predikat atau *ha:l* dan *tamyi:z*.

Ringkasnya kebanyakan buku-buku nahu Arab, secara kolektifnya memberikan definisi yang hampir sama di antara satu sama lain. Persamaan adalah dari sudut kedudukan baris akhir perkataan sama ada *mu'rab* atau *mabniyy*.

Namun begitu nahu Arab secara umum turut menyentuh mengenai kaedah-kaedah yang membawa kepada aspek penggunaan bahasa dengan betul dan mengikut rumus-rumus yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli bahasa.

Mahmu:d Husayni al-Mugha:lasah (1993:7) menjelaskan takrif nahu dalam takrif umum:

"Ilmu nahu adalah suatu ilmu yang menarik untuk dipelajari dan mudah difahami, sama seperti dengan ilmu-ilmu yang lain tetapi

¹ Maksud *Mabniyy* ialah kata yang mana huruf akhirnya melazimi satu keadaan baris sahaja dalam semua situasi *i'ra:b* sama ada ketika nominatif, akusatif atau genitif. Manakala *Mu'rab* ialah kata yang mana huruf akhirnya melazimi keadaan baris yang berubah-ubah mengikut situasi *i'ra:b* sama ada ketika nominatif, akusatif atau genitif.

ianya perlu kepada perhatian dan kajian yang serius, sesuai dengan tabiat bahasa yang unik dan indah. "

Penulis berpendapat, pengertian "*tabiat bahasa yang unik dan indah,*" yang dimaksudkan oleh Mahmud Husayni dalam petikan di atas, merujuk kepada penggunaan kaedah nahu yang sistematik mampu menjamin penggunaan bahasa dengan betul. Dengan lain perkataan, keunikan dan keindahan bahasa adalah terletak pada nahunya. Sebarang kecacatan bahasa dapat dihindari dan dielakkan jika aspek pengajaran ilmu nahu tidak diabaikan.

Walau apa pun definisi nahu yang diberikan oleh ahli- ahli bahasa namun bagi penulis, apa yang penting ialah bukan takrifnya semata-mata yang wajar difokuskan bahkan yang lebih penting ialah mengenai konsep ilmu nahu yang menekankan aspek penggunaan bahasa dengan betul dan berkesan. Perhatian perlu juga diberikan terhadap penguasaan dan kemahiran berbahasa.

Asmah 'Omar (1989:57) telah menjelaskan maksud kemahiran berbahasa:

"Menurut pengertian am, seseorang itu mempunyai kemahiran atau kecekapan berbahasa jika dia dapat menggunakan bahasa yang berkenaan dengan baik menurut nahu yang betul."

2.3.2 Ilmu Nahu BA

Nahu menurut Ibn Manzu:r (1990, Vol.15:310) ialah ikut keistimewaan kalam Arab daripada segi pengolahannya ketika *i'ra:b* dan lainnya seperti kata nama pendua, kata nama jama', celaan (*al-tahqi:r*), pembesaran (*al-takbi:r*), sandaran (*al-ida:fat*) dan lain-lain, supaya orang yang bukan penutur asal Arab dapat mengikut penutur asalnya daripada aspek kefasihan. Dengan demikian, dia dapat bertutur menggunakan BA walaupun dia bukan daripada kalangan mereka. Sekiranya sebahagian daripada mereka melakukan kesalahan, kesalahan itu dapat diperbetulkan dengan Nahu itu.

Ilmu ini pada awalnya dikenali dengan nama *Ilmu al-'Arabiyyat*. Kemudiannya dikenali dengan nama Ilmu Nahu pada zaman Abu: al-Aswad al-Du'aliyy, pengasas ilmu ini, di sekitar pertengahan kurun ke-2 hijrah. Kisah pengasasan Ilmu Nahu dan bagaimana ilmu ini mendapat namanya juga amat menarik. Terdapat banyak kisah yang diriwayatkan berkaitan dengan peristiwa ilmu ini mendapat namanya, yang dicatatkan di dalam kitab-kitab klasik Nahu Arab.

Di antaranya ialah sepertimana yang dicatatkan oleh Ibn Manzu:r (1990, Vol.15:310), Abu: al-Aswad al-Du'aliyy apabila selesai meletakkan kaedah BA telah berkata kepada manusia: *انْحُ نَحْوَهُ* (*ikutlah seperti ini*) lantas ianya dinamakan Ilmu Nahu, mengambil sempena kata-kata Abu: al-Aswad yang dianggap sebagai pengasas ilmu ini.

Dalam riwayat yang lain, diceritakan bahawa Abu: al-Aswad al-Du'aliyy apabila mendengar seseorang membaca ayat al-Qur'a:n (su:rat al-Tawbat: 3)

چ چ ج ج ج ج چ چ چ چ چ چ چ چ چ چ چ چ چ چ چ
چ ک سورة التوبة : ۳

Maksudnya: *(Bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya berlepas diri daripada orang-orang musyrikin. Kemudian jika kamu (kaum musyrikin) bertaubat, maka bertaubat itu lebih baik bagi mu. Dan jika kamu berpaling, maka ketahuilah sesungguhnya kamu tidak dapat melemahkan Allah. Dan beritakanlah kepada orang-orang kafir (bahawa mereka akan mendapat) siksa yang pedih.*

Dengan membaca perkataan رَسُوْلِهِ secara genitif, merasa takut dengan masalah pencemaran bahasa (*al-lahn*) yang telah melanda BA. Sedangkan pada waktu itu, baru bermulanya era kemunculan tamadun Arab yang menyebabkan setiap hari percampuran dengan orang-orang bukan Arab semakin bertambah. Al-Ima:m 'Aliyy bin Abi: Ta:lib RA menyedari masalah berkenaan. Dengan yang demikian, beliau mula meletakkan beberapa topik asas berkaitan dengan Ilmu Nahu seperti *al-kalimat*, *inna wa akhawa:tuha:*, *al-ida:fat* dan *al-ta'ajjub* lalu berkata kepada Abu: al-Aswad al-Du'aliyy: اِنْحُ هَذَا النَّحْوُ (*ikutlah hala tuju ini*). Dari sinilah timbulnya istilah "Ilmu Nahu" ini, sebagai memperingati kata-kata al-Ima:m 'Aliyy itu (al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiy; tt:5).

Dalam satu lagi riwayat, diceritakan bahawa suatu hari Abu: al-Aswad al-Du'aliyy telah pulang ke rumahnya. Apabila masuk ke rumah, anak perempuannya berkata kepadanya dengan penuh rasa takjub: مَا أَشَدُّ الْحَرَّ؟ (*Apakah yang paling panas?*). Lantas Abu: al-Aswad al-Du'aliyy menjawab: "Ketika musim panas ataupun bahang api". Anak perempuannya berkata: "Saya tidak bertanya soalan kepada kamu. Tetapi saya ceritakan kepada kamu dan saya melahirkan rasa takjub". Abu: al-Aswad pun berkata: "Katalah: مَا أَشَدُّ الْحَرَّ!"

(*Alangkah panasnya*). Lalu Abu: al-Aswad mengadu masalah *al-lahn* berkenaan kepada khalifah ‘Aliyy bin Abi: Ta:lib RA. Khalifah berkenaan meletakkan beberapa bab Ilmu Nahu dan berkata kepadanya: انْحُ هَذَا النَّحْوُ (*ikutlah jalan ini*). (‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy, 1992, Vol.2:1097)

Al-Jaza:’iriyy (1990:112) pula menyebut pengasasnya (Ilmu Nahu) ialah al-Ima:m ‘Aliyy bin Abi: Ta:lib RA. Beliau telah meletakkan kepada Abu: al-Aswad al-Du’aliyy bab mengenai *inna*, *al-ida:faṭ* dan *al-ima:laṭ*. Kemudian Abu: al-Aswad al-Du’aliyy pula meletakkan bab mengenai *al-na’t*, *al-’atf*, *al-ta’ajjub* serta *al-istifha:m*.

Inilah beberapa riwayat mengenai sejarah pengasasan Ilmu Nahu yang masyhur. Riwayat-riwayat yang sampai kepada kita, semuanya mengaitkan pengasasan Ilmu Nahu Arab ini dengan Abu: al-Aswad al-Du’aliyy dan juga khalifah ‘Aliyy bin Abi: Ta:lib RA. Ini menunjukkan bahawa sejarah perkembangan ilmu ini telah bermula sejak zaman awal Islam lagi. Ianya telah bermula sejak daripada zaman khulafa:’ al-ra:shidi:n lagi dan berterusan sehinggalah ke hari ini.

2.3.3 Objektif Pengajaran Nahu Arab

Pada dasarnya setiap bahasa mengandungi asas nahunya yang tersendiri. Tanpa mengira jenis bahasa apa pun, yang penting ialah bagaimana sesuatu bahasa dapat berdiri teguh di atas nahunya yang dianggap sebagai kunci bahasa tersebut. Dengan adanya kunci bahasa yang kita miliki, pasti kita mampu membuka segala khazanah bahasa yang tersimpan dan terpendam dalam sesuatu bahasa.

Zulkifley Hami:d (1996:41) menegaskan:

"Sesuat bahasa terbina daripada kosa kata dan pelbagai peraturan. Peraturan inilah yang membentuk sistem fonologi, morfologi, sintaksis dan ia juga menentukan sama ada sesuatu "output " bahasa itu bermakna atau tidak "

Menjadi kewajipan kepada ahli-ahli bahasa untuk memperbaiki dan memperbetulkan segala anggapan salah terhadap pengajaran nahu sesuatu bahasa terutamanya dalam konteks nahu Arab yang mempunyai kaitan langsung dengan kajian penulis.

Objektif pengajaran nahu bukanlah semata-mata menghafal rumusan tatabahasa sesuatu bahasa tetapi yang lebih utama ialah mengelak sebarang kesilapan dan kesalahan serta menguasai sepenuhnya pengetahuan dan kemahiran menggunakan bahasa tersebut. Dengan perkataan lain, konsep pengajaran ilmu nahu bukan hanya menekankan aspek baris akhir perkataan tetapi ia berfungsi sebagai satu kaedah yang dapat membantu menggunakan bahasa dengan betul dan teratur.

Muhammad 'Abd al-Qa:dir Ahmad (1979:165) menjelaskan bahawa pembelajaran nahu bukanlah matlamat tetapi hanyalah sebagai medium memelihara lisan daripada melakukan kesilapan. Medium lain yang turut membantu pembelajaran nahu ialah suasana pertuturan bahasa yang betul dan memperbanyakkan latihan lisan dan penulisan. Tiada ertinya bagi seseorang pelajar yang mahir menghafal kaedah-kaedah nahu tetapi sebaliknya janggal apabila diajak berbual atau berkomunikasi.

'Aliyy Ahmad Madkur (1991: 321) mengulas mengenai objektif pengajaran nahu:

"Tanya bertujuan membentuk pertuturan yang betul dan tidak hanya menghafal kaedah-kaedahnya. "

Muhammad 'Aliyy al-Mala' (1995:146) menjelaskan bahawa tujuan pengajaran nahu ialah melatih seseorang mengolah sesuatu ungkapan dengan betul dan tersusun.

Pendapat yang sama turut dikongsi oleh Kamaruddin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz dan Arba'ie Sujud (1996:172) yang telah menggariskan beberapa tujuan pengajaran nahu sesuatu bahasa iaitu:

"Mengeskan kelainan makna kata yang berbeza, membina ayat yang betul dan gramatis serta menggunakan golongan kata dalam pelbagai situasi."

Menurut pendapat Arbak 'Othman (1985:19):

"Unsur- unsur yang perlu ditekankan oleh guru kepada pelajar ialah menjurus kepada bentuk, fungsi, makna dan pola- pola tatabahasa."

2.3.4 Dasar-Dasar Pengajaran Nahu/Tatabahasa

Sebenarnya ada beberapa dasar mengenai pengajaran nahu yang boleh kita rumuskan iaitu:

- i. Tidak terlalu menekankan aspek hafalan kaedah tetapi lebih banyak menumpukan aspek aplikasi dan latihan yang berterusan.

- ii. Kaedah-kaedah nahu perlu difahami dan dikuasai dengan menggunakan pendekatan contoh-contoh yang praktikal untuk membantu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
- iii. Strategi dan sistem pengajaran guru yang berkesan mampu mempengaruhi minat pelajar meminati pembelajaran nahu.
- iv. Menggunakan buku-buku rujukan nahu yang bersesuaian dengan tahap pelajar.
- v. Memilih dan menyusun tajuk-tajuk mengikut kesesuaian sukatan pelajaran iaitu dengan mendahulukan tajuk-tajuk yang mudah seperti kata nama, kata kerja, partikel dan sebagainya.
- vi. Tumpuan dan penekanan hendaklah menjurus kepada ciri-ciri nahu yang melibatkan makna sesuatu perkataan.

2.3.5 Teori Kaedah-Kaedah Pengajaran Nahu

Merujuk kepada teori pengajaran nahu ianya secara langsung akan menyentuh kaedah-kaedah tertentu yang biasa digunakan oleh guru-guru bahasa. Di sini penulis cuba menyelami setiap kaedah pengajaran nahu yang digunakan. Diharapkan satu rumusan terbaik dapat diketengahkan hasil pemerhatian komprehensif yang dilakukan terhadap penggunaan kaedah-kaedah pengajaran nahu tersebut.

Penulis mendapati penggunaan istilah-istilah pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran bahasa mengandungi maknanya yang tersendiri walaupun kadangkala kita memahaminya

sebagai satu komponen yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Pada hakikatnya ia tetap berbeza dari sudut takrif atau definisinya.

Kamaruddin Husin (1988:75) menjelaskan bahawa dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, istilah-istilah pendekatan, kaedah dan teknik selalu sahaja menimbulkan salah faham dari segi pengertiannya. Ini berlaku bukan sahaja di kalangan guru-guru bahasa kita di Malaysia tetapi juga berlaku di seluruh dunia termasuk di Amerika sendiri.

Andaikata guru-guru bahasa berjaya mengaplikasi sebaik mungkin kehendak istilah-istilah pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran mereka, pasti ianya akan meninggalkan bekas dan kesan yang berpanjangan. Tidak semua kaedah yang digunapakai bersesuaian dengan situasi pembelajaran sekarang. Ada kaedah yang masih relevan digunakan tetapi mestilah disesuaikan dengan latar belakang pelajar dan tahap kemahiran mereka.

Berkenaan hal ini, Zulkifley Hamid (1996:49) merumuskan:

"Perkaedahan atau cara melaksanakan sesuatu tugas amat penting kerana kejayaan mencapai sesuatu objek untuk sesuatu tugas banyak bergantung kepada keberkesanan kaedah yang dipilih untuk melakukan tugas tersebut. "

Berdasarkan kenyataan di atas, guru bertanggungjawab memainkan peranan untuk memahami dan memilih setiap kaedah yang digunakan. Jika kita bandingkan kaedah pengajaran nahu Arab dan nahu Melayu pastinya tidak banyak berbeza dari sudut

penggunaan dan cara pelaksanaannya walaupun nahu bahasa yang berbeza namun konsep pengajarannya adalah sehaluan. Ini jelas apabila kita bandingkan dengan penggunaan jenis model kereta yang kita gunakan. Walaupun jenama atau modelnya dari jenis yang berbeza tetapi sistem peraturan pemanduannya adalah sama, iaitu setiap pemandu mestilah mematuhi sistem had laju yang telah ditetapkan dan mereka mestilah berhenti apabila isyarat lampu merah menyala.

Maksud yang ingin penulis sampaikan ialah kadangkala terjadinya permasalahan yang sama di antara kedua-dua bahasa tersebut terutama dalam aspek penggunaan kaedah pengajaran nahunya. Bukti jelas ialah bukan sahaja nahu Arab yang menghadapi masalah penggunaan kaedah yang sesuai bahkan nahu Melayu juga turut sama mengalami masalah yang serupa.

Farid dan Ajid (1981:65) telah mengulas hal tersebut dengan mengatakan:

"Ditanya tentang kaedah pengajaran pula, 58.26 % daripada guru tidak menjawab atau tidak tahu kaedah apakah yang mereka gunakan ketika mengajar bahasa Malaysia."

Berdasarkan kenyataan di atas, penulis merumuskan peranan dan tanggungjawab guru amat berat lebih-lebih lagi jika kaedah pengajaran nahu yang mereka gunakan tidak menepati syarat atau kehendak sukatan pelajaran. Secara langsung ini akan menimbulkan implikasi besar terhadap keberkesanan pengajaran oleh guru-guru bahasa dan tidak mustahil nanti akan kedengaran suara-suara sumbang yang hanya menyalahkan pihak guru semata-mata.

Azman Wan Chik (1986:47) membuat ulasan dan rumusan:

"Secara umum bolehlah dikatakan bahawa tidak terdapat satu kaedah pun atau pendekatan mengajar tatabahasa pada semua peringkat di sekolah-sekolah kita yang boleh kita pertanggungjawabkan."

Dalam hal yang sama, Siti Hajar Haji 'Abdul 'Azi:z (1997:98) menyimpulkan terdapat tiga istilah asas yang amat kerap digunakan oleh para pendidik dan penulis. Istilah itu ialah pendekatan, kaedah dan teknik. Malangnya kekeliruan dan kesilapan kerap juga berlaku dalam penggunaan istilah-istilah itu. Penulis berminat dengan rumusan definisi istilah-istilah pendekatan, kaedah, teknik dan strategi yang telah dikemukakan oleh Ee Ah Meng (1997:214):

- i. Pendekatan ialah cara bagaimana sesuatu mata pelajaran diajar berdasarkan objektif jangka panjang.
- ii. Kaedah ialah suatu siri tindakan guru yang sistematik serta berurutan dan bertujuan mencapai objektif spesifik, iaitu jangka pendek.
- iii. Teknik ialah aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru yang digunakan dengan sesuatu pengajaran.
- iv. Strategi pula ialah kombinasi kaedah, teknik dan aktiviti yang dirancangkan serta digunakan dalam satu-satu pengajaran.

Mengenai kaedah pengajaran nahu atau tatabahasa sebenarnya terdapat beberapa pendekatan yang digunapakai oleh guru-guru bahasa dalam pengajaran bahasa, namun

yang popular dan biasa diketengahkan ialah pendekatan kaedah induktif, deduktif dan eklektif.

Sebelum penulis mengupas dengan lebih lanjut pengertian istilah-istilah induktif, deduktif dan eklektif adalah lebih baik jika kita meninjau seketika penggunaan istilah "nahu terjemahan" atau "nahu tradisional" yang turut digunapakai oleh guru-guru bahasa secara meluas dalam pengajaran bahasa. Pendekatan nahu tradisional yang digunakan menjurus kepada kemahiran menulis dan kurang menekankan kemahiran bertutur.

Pelajar ditekankan supaya menghafal kaedah-kaedah atau rumusan tatabahasa yang diterangkan oleh guru mereka dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai dengan kaedah pengajaran. Seterusnya guru-guru lebih banyak menggunakan bahasa ibunda dalam pengajaran mereka melalui kaedah terjemahan. Kebaikan penggunaan kaedah nahu tradisional ialah kurang membebankan guru untuk menyediakan alat bantu mengajar dan banyak menjimatkan masa serta lebih ekonomi. Dari sudut lain pula penggunaan kaedah ini terlalu terikat dengan buku-buku teks.

Selain penggunaan kaedah nahu tradisional, penggunaan (kaedah terus) turut mendapat perhatian di kalangan ahli-ahli bahasa. Kaedah ini memberikan penekanan dan tumpuan kepada aspek-aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pengajaran tatabahasa diajar melalui contoh-contoh dalam bentuk petikan dan tidak menekankan aspek hafalan kaedah atau rumusan tatabahasa. Kaedah ini membantu pelajar bertutur dengan baik dan lancar. Namun dari sudut lain ianya tetap mempunyai kekurangan yang tersendiri

iaitu guru terpaksa mengambil rnsa yang lama untuk menerangkan sesuatu makna perkataan yang abstrak dan sukar difahami oleh pelajar.

Kaedah yang digunakan ini langsung tidak memberikan kesempatan kepada guru-guru bahasa untuk menterjemahkan sesuatu perkataan sekalipun perkataan tersebut boleh mengelirukan pelajar. Contoh jelas dapat dilihat ialah perkataan Arab yang bermakna global. Jika guru ingin menerangkan maksudnya dengan menggunakan kaedah terus pasti akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar untuk memahaminya. Barangkali pelajar memahami maksud perkataan tersebut sebagai *dunia* atau *antarabangsa*. Walaupun guru terpaksa menggunakan perkataan yang seerti atau perkataan yang berlawanan dengan perkataan tersebut namun masih belum menjamin sama ada pelajar mampu memahaminya atau sebaliknya.

Muhammad 'Ali al-Khuliyy (1988:69) sebenarnya tidak menggalakkan penggunaan nahu terjemahan kerana hujahnya penggunaan kaedah tersebut akan mendorong pelajar mengabaikan aspek BA dan menjadikannya tidak berfungsi. 'Abdul Hamid Faid (1984:180) menyokong penggunaan kaedah terus atau langsung kerana alasannya:

"Kaedah nahu hanyalah wasilah bagi mempelajari bahasa dan bukan belajar bahasa dengan mengutamakan kaedah. Bahasa datang dahulu kemudian barulah kaedah diperkenalkan. "

Jika kita membuat perbandingan dengan kaedah pengajaran atau pembelajaran al-Qur'a:n nescaya apa yang kita dapati dan temui ialah seseorang guru al-Qur'a:n jelas sekali tidak mengajar hukum-hukum tajwid terlebih dahulu kepada para pelajarnya tetapi apa yang

diperkenalkan kepada mereka ialah mengenal setiap huruf-huruf *hija'iyah* dan baris-barisnya dengan cara menyebut dan membacanya.

Sistem moden pengajaran al-Qur'a:n sekarang turut menekankan aspek sebutan dan bacaan tanpa memperkenalkan nama-nama huruf yang diajarkan. Kaedah *Iqra'* amat terkenal menggunakan sistem atau cara ini. Namun kaedah lama pengajaran al-Qur'a:n iaitu kaedah *Baghdadi* menekankan nama-nama huruf, baris-barisnya dan juga cara sebutan dan ejaannya. Persoalannya apakah yang bakal terjadi andaikata pengajaran al-Qur'a:n mengutamakan kaedah tajwid terlebih dahulu kemudian barulah beralih kepada aspek sebutan dan bacaan?

Bagi menggalakkan minat orang ramai mempelajari al-Qur'a:n, pendekatan dan kaedah yang betul amat diperlukan kerana apabila kita terlalu mementingkan hukum-hukum atau peraturan tajwid maka secara tidak langsung mendorong orang awam berasa malu dan takut untuk membaca al-Qur'a:n di khalayak ramai.

Lutfi 'Abba:s (1975) menjelaskan:

"Padahal pelajaran bahasa menghendaki seseorang pelajar bukan untuk menghafal fungsi sesuatu imbuhan misalnya tetapi menggunakan imbuhan itu dengan betul bila ia bertutur atau menulis dalam bahasa yang dipelajarinya. "

Muhammad 'Ali al-Khuliyy (1988:60) telah mengulas mengenai perkara ini,

"Kelaziman yang paling buruk dalam pengajaran bahasa ialah monopoli guru terhadap syarahannya tanpa memberikan peluang kepada pelajar untuk terlibat sama dalam perbincangan . "

Sebenarnya dalam aspek pengajaran bahasa bukanlah kaedah kuliah atau sistem syarahan yang dipraktikkan lebih-lebih lagi pengajaran yang menjurus kepada nahu atau tatabahasa. Pelajar perlu dilibatkan sama untuk memberikan contoh-contoh, buah fikiran dan bersoal jawab mengenai sesuatu perkara yang mereka kurang faham. Komunikasi dua hala (two ways) di antara guru dan pelajar amat diutamakan bagi menghasilkan kesan pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkesan.

Penggunaan kaedah nahu tidak diutamakan sebaliknya para pelajar digalakkan bertutur dalam BA dengan menggunakan sebanyak mungkin perbendaharaan kata yang mereka pelajari. Hasilnya para pelajar tidak lagi kelu dan kaku untuk berinteraksi dengan guru-guru dan rakan-rakan mereka walaupun dengan menggunakan (*broken Arabic*) iaitu BA yang tidak mengikut kaedah nahunya.

Universiti al-Azhar, Mesir. dan Universiti Al-Bayt, Jordan contohnya menggunakan kaedah terus atau induktif untuk pengajaran BA kepada penutur yang bukan Arab kerana objektif utama ialah ingin melihat seseorang pelajar itu mampu dan mahir untuk berBA walaupun di peringkat awalnya, mereka sering kali melakukan kesilapan.

Jika diteliti pemerolehan bahasa seorang kanak-kanak, mereka belajar bertutur dengan bahasa ibundanya dengan banyak melakukan kesilapan dan kesalahan tatabahasa dan

mereka tidak belajar nahu daripada ibubapa mereka. Ini merupakan tabiat semula jadi dalam proses pembelajaran bahasa.

Rumusan yang kita dapati di sini ialah penggunaan kedua-dua kaedah nahu sama ada tradisional ataupun secara terus tetap berperanan membantu guru-guru bahasa membuat penilaian dan pendekatan yang sesuai dengan situasi pelajar. Tidak dinafikan kedua-dua kaedah saling melengkapi di antara satu sama lain.

Setelah melihat dan meneliti pengertian nahu tradisional dan kaedah terus yang sering digunakan dalam sistem pengajaran bahasa, maka kita melihat pula kepada pengertian istilah-istilah induktif, deduktif dan elektif secara lebih dekat.

2.3.5.1 Induktif

Kaedah induktif atau istinbatiyyah merupakan kaedah mengajar dengan membawa atau melihat contoh-contoh terlebih dahulu. Melalui kaedah ini, guru-guru tidak digalakkan memberikan definisi dan penerangan yang detail berkaitan dengan kaedah atau peraturan sesuatu tajuk pelajaran yang diajar.

Pada dasarnya konsep induktif menggalakkan dan melatih pelajar dapat membuat rumusan umum mengenai tajuk-tajuk yang dipelajari pada hari tersebut tanpa perlu menghafalnya. Guru pula berperanan menyoal, berbincang dan turut meminta pelajar mengemukakan contoh-contoh mereka sendiri. Melalui cara ini secara tidak langsung membantu pelajar cepat memahami dan membuat rumusan umum daripada data-data yang mereka pelajari. Ciri-ciri induktif ialah mengutamakan penglibatan pelajar secara aktif dan kolektif. Ianya juga mementingkan aspek penggunaan lisan.

Kamaruddin Haji Husin (1988:79) menjelaskan:

"Induktif bersifat saintifik yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan. " Induktif dari sudut negatifnya dilihat dan diketahui banyak membazir masa dan perlu kepada penggunaan masa yang panjang untuk memahamkan pelajar dan membuat contoh-contoh serta menyelesaikan sesuatu masalah. Ianya kurang sesuai jika dinisbahkan kepada pelajar-pelajar yang pintar atau peringkat tinggi. Secara positifnya pula, kaedah ini tidak menggalakkan pelajar menghafal kaedah-kaedah rumusan nahu maka impaknya akan mengelakkan peiajar berasa cepat bosan dengan menghafal kaedah atau peraturan-peraturan nahu tanpa mahir menggunakannya.

Ahmad Halabiyy (1990:19) yang menjelaskan:

"Kesilapan nyata sewaktu mempelajari BA ialah pelajar terlalu ditekankan dengan kaedah nahu Arab sehingga menyebabkan mereka pasif dan terlalu terikat dengan tatabahasa. Sewajarnya yang diutamakan oleh guru ialah pengajaran BA dan bukan nahunya."

Lohanayahi Baskaran (1989:198) telah menjelaskan makna kesilapan bahasa:

"Makna kesilapan pula merujuk kepada kejanggalan ucapan atau tulisan yang tidak menggambarkan seluruh kemampuan penutur

dalam bahasa tersebut tetapi adalah disebabkan oleh faktor faktor yang mempengaruhi prestasinya dan penghasilannya yang aktif terhadap bahasa itu ".

2.3.5.2 Deduktif

Kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah qiasiyyah yang menerangkan rumus-rumus tertentu yang kemudiannya diikuti pula dengan contoh-contoh yang sesuai. Melalui kaedah ini guru berfungsi menerangkan sesuatu takrifan atau fungsi tatabahasa tersebut. Pelajar-pelajar ditekankan supaya menghafal kaedah nahu bagi memudahkan mereka menyusun dan membentuk sesuatu ayat atau laras bahasa.

Penggunaan sistem hafalan kaedah dalam pengajaran tatabahasa bolehlah kita samakan seperti sistem hafalan formula atau sifir dalam pengajaran matematik. Tanpa menguasai sifir atau formula, pelajar tidak mampu menyelesaikan sebarang masalah yang berkaitan matematik. Kelemahan kaedah ini tetap wujud iaitu pelajar kurang mahir bertutur dan berbahasa dalam erti kata yang sebenarnya. Mereka juga tidak dapat berkomunikasi dengan berkesan.

Jika dinilai dan diukur dari sudut kebaikannya, penggunaan kaedah ini akan memahirkan pelajar menguasai bidang bacaan. Kaedah ini rnebantuu guru-guru menjimatkan masa dan tenaga mereka. Guru-guru berfungsi menyoal dan memperkenalkan masalah-masalah yang berkaitan dengan struktur nahu yang diajar manakala pelajar pula diminta menyelesaikannya berdasarkan kaedah-kaedah nahu yang mereka hafal dan fahami.

2.3.5.3 Eklektif (Mu'a:adalah)

Kaedah ini merupakan lanjutan kepada kaedah induktif. Melalui kaedah ini akan melahirkan beberapa ciri-ciri pengajaran bahasa yang baik dan menarik. Antara ciri-ciri yang digunakan melalui kaedah ini ialah:

- i. Penggunaan petikan-petikan tertentu yang berkaitan dengan sesuatu topik nahu akan mendorong pelajar lebih memahami konsep dan ciri-ciri pembelajaran nahu. Penggunaan banyak contoh-contoh akan memudahkan pelajar memahami sesuatu kaedah dengan lebih berkesan dan sempurna.
- ii. Menggalakkan guru-guru menggunakan daya kreativiti mereka untuk mengolah dan menyampaikan pengajaran nahu dengan lebih tersusun iaitu bermula daripada yang konkrit kepada yang abstrak.
- iii. Penggunaan latih tubi yang berterusan mampu meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar.
- iv. Membuka minda dan mendorong pelajar agar sentiasa mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari.

Kelebihan kaedah eklektif, dapat membantu pelajar lebih cepat memahami dan menguasai sesuatu topik pembelajaran kerana ianya lebih sistematik dan pragmatik. Kaedah ini juga boleh mengelakkan pelajar cepat berasa bosan ketika mempelajari nahu. Dengan lain perkataan, kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai bagi setiap peringkat pelajar.

Mengenai kelemahan kaedah eklektif ialah kurang menumpukan aspek hafalan dan terjemahan yang boleh mempengaruhi aspek penulisan. Kecekapan dan kemahiran para guru bahasa amat penting bagi menjamin setiap matlamat dan objektif pengajaran menepati sasaran dan berjaya menghasilkan pelajar-pelajar yang mahir dalam keempat-empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan juga menulis.

Bagi penulis sebenarnya, semua jenis kaedah sesuai diaplikasi menurut situasi, latar belakang dan keperluan pelajar. Guru yang bijak dan kreatif tidak hanya menggunakan satu-satu kaedah sahaja tetapi menggunakan banyak kaedah dan cara yang difikirkan sesuai dengan tahap dan penguasaan pelajar.

Untuk memilih kaedah pengajaran nahu yang terbaik, kita mesti bijak memilih, menilai, meneliti dan mengkaji setiap kaedah yang digunakan kerana setiap pendekatan mempunyai kebaikan dan kelemahan masing-masing. Cara terbaik ialah cuba menggunakan setiap kaedah pengajaran dengan menggabungkan semua kebaikannya.

Isu utama yang timbul hasil daripada pengajaran nahu ialah keberkesanan dan kemahiran menggunakannya. Menurut pengalaman dan pemerhatian penulis sendiri satu rumusan dapat dibuat bahawa masih ramai pelajar yang belum mampu menggunakan BA dengan baik, jauh sekali daripada berkomunikasi sepenuhnya dengan guru-guru mereka menggunakan BA.

Kebanyakan pelajar menghabiskan tempoh belajar BA dalam masa yang lama iaitu bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dan sebahagiannya menduduki tingkatan enam

atas di sekolah menengah atau sekolah tinggi agama namun jika dibandingkan dengan kemahiran mereka bertutur atau berkomunikasi dalam BA masih jauh ketinggalan dengan mereka yang belajar bahasa yang sama dalam tempoh masa yang singkat di negara Arab.

Penulis menjangkakan mungkin ada sesetengah pihak akan berhujah bahawa suasana belajar BA di tempat sendiri (Malaysia) tentulah tidak sama dengan suasana belajar di negara Arab, contohnya di Universiti Amerika di Kaherah. Hujah mereka, suasana turut memainkan peranan penting mempengaruhi bahasa seseorang.

Jika inilah hujah mereka, persoalan yang timbul ialah mengapa ramai pelajar Melayu dari Malaysia yang belajar khasnya di Universiti Al-Azhar, gagal menguasai BA dengan baik sekalipun mereka berada di tengah-tengah masyarakat Arab?

Ini satu realiti atau hakikat yang benar-benar terjadi sekalipun ianya pahit untuk ditelan dan sukar untuk diterima. Persoalannya siapa, bagaimana, apa punca dan di mana silapnya wajar difikirkan secara bersama.

Jika ditinjau sepintas lalu, ramai pelajar yang kita dapati mampu mencapai markah yang tinggi dalam setiap ujian atau peperiksaan yang mereka tempuhi. Namun dari sudut kemahiran dan kecekapan berbahasa, mereka masih berada di tahap yang kurang memberangsangkan.

Asmah 'Omar (1989:58) turut membuat ulasan mengenai perkara ini:

"Keadaan yang seperti itu bagi pelajar yang berkenaan agak menakjubkan kerana dalam ujian peperiksaannya, dia barangkali mencapai markah yang tinggi. Di sini kita dapat melihat bahawa pencapaian dalam ujian bahasa tidak semestinya menunjukkan kemahiran berbahasa khususnya dalam kemahiran bertutur dan kemahiran menulis "

Penulis secara peribadi bersetuju dengan pandangan Asmah yang meletakkan kemahiran berbahasa di satu tahap yang tinggi dalam penguasaan bahasa yang boleh dilihat melalui kaedah-kaedah nahu yang digunakan dengan berkesan.

Mengenai hal ini, Ahmad Syalabiyy (1990:18) merumuskan:

"Perbandingan pelajar yang belajar BA, mereka telah menghabiskan masa yang lama dan keluar tanpa natijah atau dengan natijah yang kurang memuaskan tetapi jika mereka belajar bahasa Inggeris dalam tempoh yang sama pasti mereka mendapat hasil yang lumayan. "

Sementara itu Zulkifley Hamid (1996: 27) telah menyimpulkan:

"Kecekapan berbahasa akan menentukan sama ada cara seseorang itu berkomunikasi dapat diterima atau tidak oleh masyarakat penutur bahasa tersebut. Ayat-ayat yang dihasilkan bukan sahaja harus gramatis tetapi juga harus wajar dan bersesuaian dengan keperihalan keadaan. "

Wajar diperkatakan bahawa elemen-elemen pengetahuan tatabahasa dan kemahiran berbahasa saling bertaut di antara satu sama lain tanpa mengira apa juga jenis bahasa tersebut.

2.3.5.4 Kaedah Nahu Wazi:fiyy (fungsional) dan Nahu Tatbi:qiyy (praktikal)

Nahu wazi:fiyy (fungsional) ialah satu kumpulan kaedah atau peraturan yang berfungsi untuk melaksanakan tugas asasi bagi sesuatu tatabahasa dan peraturan untuk menyusun sesuatu jumlah ayat agar dapat memelihara lidah daripada melakukan kesalahan semasa bertutur dan membaca serta mengelakkan seseorang penulis daripada melakukan kesilapan ketika mengarang dan menulis.

Nahu tatbi:qiyy (praktikal) pula ialah mengaplikasikan kaedah atau peraturan yang terdapat pada *nahu wazi:fiyy* secara betul dan tepat dalam sesuatu jumlah ayat. *Nija:r Bahma:niyy 1986, al-Nahwu al-Wazifiyy fi Arabiyyati al-Qur'a:n al-Kari:m Paris, Cetakan Kelima. Ahmad Mokhta:r 'Umar 2008, Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'a:sirah, Kaherah Da:r al-Kutub*

2.4 PENGAJARAN MAF'U:L BIH DI KOLEJ ISLAM PAHANG, KUANTAN.

Proses pengajaran *maf'u:l bih* di Kolej Islam Pahang, sebenarnya berdasarkan kepada tiga asas utama, iaitu kaedah pengajaran, teknik pengajaran dan penggunaan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran *maf'u:l bih*.

2.4.1. Kaedah Pengajaran Maf'u:l bih

Secara umumnya kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan di Kolej Islam Pahang tidak banyak berbeza dengan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pusat-pusat pengajian yang lain. Kaedah pengajaran nahu keseluruhannya bertumpu kepada kaedah *nahu wazi:fiyy* (fungsional) dan *nahu tatbi:qiyy* (praktikal). Kaedah ini penting digunakan dan dilaksanakan kerana tahap para pelajar di sini kebanyakan mereka adalah daripada lepasan SPM dan SMA. Kita sedia maklum bahawa kaedah pengajaran nahu yang dipelajari oleh mereka sewaktu di sekolah menengah dahulu adalah berorientasikan sistem nahu tradisional.

Struktur-struktur nahu yang diajar di kolej ini adalah berbentuk praktikal atau *tatbi:qiyy* yang menjurus kepada latihan tubi yang berterusan. Di samping itu penekanan diberikan kepada ciri-ciri dan fungsi makna yang berkaitan dengan penggunaan *maf'u:l bih*.

Merujuk kepada kaedah pengajaran *maf'u:l bih* yang diajar di sini, kaedah utama yang dipraktikkan ialah kaedah induktif dan eklektif. Tujuan kaedah-kaedah tersebut digunakan di sini ialah supaya para pelajar lebih mudah memahami dan menguasai setiap

tajuk yang diajar dengan lebih berkesan. Contohnya ketika topik *maf'u:l bih* diajar di dalam kelas, guru menulis contoh-contoh terlebih dahulu di papan putih.

Guru membaca contoh-contoh tersebut dan beberapa orang pelajar turut diminta mengulangi membacanya. Guru juga meminta pelajar memberikan contoh-contoh mereka sendiri. Setelah pelajar memahami bentuk *maf'u:l bih*, diadakan pula sesi soal jawab. Kadang-kala guru meminta para pelajar menghafal bentuk-bentuk *maf'u:l bih* bagi memudahkan mereka menyusun atau membuat ayat berdasarkan bentuk *maf'u:l bih* yang digunakan.

2.4.2 Teknik-Teknik Pengajaran Maf'u:l bih di Kolej Islam Pahang, Kuantan.

Sebenarnya pelbagai teknik pengajaran *maf'u:l bih* yang dipraktikkan di kolej ini. Antaranya ialah:

2.4.2.1 Teknik Membaca Teks

Ketika sesuatu topik nahu diajar, khususnya yang berkaitan *maf'u:l bih*, guru biasanya menggunakan buku nota khas yang dijadikan sebagai panduan pengajaran. Di awal pengajaran, guru menerangkan kedudukan dan latar belakang *maf'u:l bih* serta kaitannya dengan kata nama dan kata kerja. Guru juga menerangkan bentuk *maf'u:l bih* beserta dengan contoh- contohnya.

Selain menggunakan buku nota, banyak juga petikan-petikan lain seperti petikan akhbar, majalah dan buku-buku BA yang dijadikan sebagai teks bacaan. Dengan cara ini, guru

tidak hanya bergantung semata-mata kepada buku nota, tetapi turut menggunakan mana-mana petikan yang dianggap sesuai dan berkaitan dengan topik pengajaran yang diajar.

Berdasarkan teknik ini, guru meminta pelajar membaca sepintas lalu petikan secara senyap. Kemudian guru membaca petikan berkenaan secara kuat dan pada masa yang sama pelajar menyemak bacaan guru. Setelah guru selesai membaca, pelajar pula membaca semula teks berkenaan secara kumpulan dan individu. Guru akan membetulkan kesilapan bacaan pelajar.

Guru menerangkan maksud petikan dengan menggunakan BA. Para pelajar diminta menggariskan atau menanda setiap *maf'u:l bih* yang terdapat dalam petikan tersebut dan mereka juga diminta menulis semula *maf'u:l bih* yang terdapat dalam petikan.

Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut bilangan mereka. Biasanya maksimum setiap kelas memuatkan seramai dua puluh orang pelajar yang dibahagikan kepada empat kumpulan.

Setiap kumpulan mempunyai nama masing-masing dan mempunyai seorang ketua. Dalam sesi perbincangan secara kumpulan, semua pelajar digalakkan sama-sama mengambil bahagian dan guru pula berfungsi memantau serta melawat setiap kumpulan. Setelah masa perbincangan yang dihadkan tamat, setiap kumpulan diminta membentangkan hasil jawapan perbincangan mereka secara lisan.

Guru mendengar dengan teliti setiap jawapan yang diberikan. Segala kesilapan jawapan pelajar menjadi tanggungjawab guru membaiki dan membetulkannya. Sebagai rangsangan motivasi, guru memberikan markah kepada kumpulan yang cemerlang. Ada kalanya guru meminta wakil setiap kumpulan menulis jawapan mereka di papan putih (white board). Ini semua bergantung kepada masa atau waktu selama satu jam yang ditetapkan bagi setiap subjek yang diajar.

Hasil daripada penggunaan teknik ini akan mendorong pelajar bersaing dan saling bekerjasama di antara ahli kumpulan. Peranan guru ialah bertindak sebagai ko-ordinator atau penyelaras dan bukan sebagai "*diktator*". Pelajar akan lebih berasa seronok berada dalam sistem kumpulan.

Kebaikan sistem atau teknik pengajaran secara kumpulan yang diamalkan di Kolej Islam Pahang, secara tidak langsung akan mengikis sifat malu pelajar. Wujudnya semangat kerjasama, toleransi dan sikap prihatin antara pelajar. Ia juga membantu mengurangkan beban guru iaitu dengan cara pelajar yang pintar dan berkebolehan membimbing rakan lain yang lemah. Kepuasan dan keseronokan belajar akan jelas terpancar di wajah pelajar lebih-lebih lagi apabila kumpulan yang mereka anggotai berjaya mengatasi kumpulan lain.

2.4.2.2 Teknik Tugas

Teknik ini dipraktikkan bertujuan supaya pelajar lebih bertanggungjawab mengulang kaji setiap apa yang mereka pelajari semasa di bilik kelas. Penggunaan masa yang agak terhad di dalam kelas tidak memberikan banyak kesempatan kepada guru untuk terus menguji kefahaman pelajar.

Dengan adanya rentetan atau kesinambungan tugas yang diberikan oleh guru kepada pelajar, mereka berpeluang menyiapkan tugas tersebut di rumah atau pun di asrama. Cara ini akan mendorong pelajar meneruskan perbincangan sesama mereka di luar kelas. Bentuk tugas yang diberikan oleh guru ada kalanya dalam bentuk kumpulan dan ada juga dalam bentuk individu.

Sesuatu yang kita tidak boleh nafikan ialah, setiap kelebihan dalam sesetengah perkara pasti mempunyai kekurangannya yang tersendiri. Inilah yang penulis maksudkan iaitu walaupun sistem pengajaran secara kumpulan mempunyai kebaikan dan kelebihannya yang unik namun begitu dari segi kekurangannya tetap ada.

Antara kelemahan yang dikesan melalui sistem ini ialah apabila sesuatu tugas diberikan kepada kumpulan maka terdapat pelajar yang mengambil kesempatan membiarkan rakan-rakan mereka yang lain melakukan tugas tersebut dan pada masa yang sama mereka tidak turut serta terlibat menyiapkannya.

Kemudiannya di dalam kelas pelajar yang aktif sahaja iaitu orang yang sama akan bangun menjawab dan membentangkan fakta-fakta dan data-data jawapan sedangkan rakan-rakan mereka yang lain hanya mendengar. Ini jelas tidak praktikal dan matlamat kerjasama kumpulan tidak akan terlaksana.

Kamarudin Hj. Husin (1988:254) menjelaskan mengenai kelemahan penggunaan sistem berkumpulan :

"Kemungkinan hanya murid-murid yang cergas sahaja yang akan melibatkan diri sepenuhnya dan murid-murid yang lain mendiadakan diri."

2.4.2.3 Teknik Kuiz

Penggunaan teknik ini pada dasarnya dibuat setelah tamatnya sesuatu topik atau tajuk yang diajar oleh guru. Tujuan kuiz ini diadakan ialah untuk menguji kefahaman dan pengukuhan ingatan pelajar terhadap apa yang mereka pelajari. Lazimnya kuiz ini juga diadakan secara berkumpulan tetapi kadang kala ia dijalankan secara individu kerana matlamat pengajaran guru ia supaya setiap pelajar lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri iaitu dengan banyak membaca dan mengulangkaji serta mampu menjawab soalan guru.

Guru minta semua pelajar mengulang kaji topik yang baru selesai dipelajari. Jangka masa ulangkaji diberikan selama kira-kira lima hingga sepuluh minit. Kemudian semua pelajar diminta menutup buku mereka dan guru akan meminta semua pelajar berdiri. Hanya pelajar yang menjawab dengan betul sahaja dibenarkan duduk. Kesan daripada penggunaan teknik ini secara langsung akan mendorong semangat rajin belajar dan mengulangkaji dalam kalangan pelajar.

2.4.2.4 Teknik Hafalan Dan Latih Tubi

Teknik ini dipraktikkan bertujuan untuk membantu pelajar menguatkan ingatan terhadap fakta-fakta topik yang dipelajari. Biasanya guru akan meminta pelajar menghafal bentuk

maf'u:l bih secara berperingkat dan banyak latih tubi diadakan bagi memahirkan pelajar menggunakan *maf'u:l bih* dengan betul.

Guru juga memberikan kepada pelajar beberapa patah perkataan dan menyuruh mereka membentuk ayat dengan menjadikan perkataan yang diberikan sebagai *maf'u:l bih*. Ada masanya guru mengemukakan satu teks berbahasa Arab dan meminta pelajar menentukan *maf'u:l bihnya*. Cara ini berkesan membantu pelajar mahir dan berkebolehan menggunakan *maf'u:l bih* dan mampu pula mengaplikasikannya sama ada dalam penulisan atau pertuturan.

2.4.2.5 Teknik Ujian

Ujian merupakan satu cara yang sistematik untuk mengukur dan menilai tahap pencapaian atau prestasi seseorang pelajar dalam sesuatu subjek. Tujuan ujian dijalankan ialah bagi memastikan sama ada matlamat pengajaran atau pembelajaran benar-benar tercapai atau sebaliknya.

Penilaian boleh dijalankan dalam dua proses. Kamaruddin Hj. Husin (1988:299) menjelaskan;

- i. Penilaian formatif. Matlamatnya ialah untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan kemajuan proses pengajaran oleh guru dan pembelajaran oleh pelajar. Tujuannya pula ialah untuk membantu dan memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran.

- ii. Penilaian sumatif. Bertujuan mengesan secara menyeluruh tahap pencapaian pelajar di akhir sesuatu pembelajaran. Matlamat utamanya pula ialah untuk memberikan markah atau gred kepada seseorang pelajar supaya dapat membandingkannya dengan markah pelajar lain dalam kumpulannya.

Kedua-dua teknik penilaian iaitu formatif dan sumatif turut digunakan di Kolej Islam Pahang. Penggunaannya berjaya membantu meningkatkan prestasi pelajar terutamanya dalam subjek nahu dan lain-lain subjek.

Guru mengadakan ujian kemajuan secara bertulis. Tarikh ujian akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada pelajar agar mereka lebih bersedia menghadapinya. Soalan-soalan ujian dibuat berdasarkan sukatan pelajaran yang telah selesai dipelajari. Kesan daripada ujian yang dijalankan ini, guru berjaya mengenal pasti dan menilai pelajar yang mahir, pintar, rajin dan gigih berusaha. Nisbah kepada pelajar lemah, mereka akan diberikan motivasi dan latihan tubi yang berterusan.

Ujian perlu dan penting diadakan kerana ia berperanan mengesan kemahiran, kemampuan dan pengetahuan para pelajar. Pelajar dapat mengetahui kelemahan mereka dalam sesuatu topik dan subjek yang telah mereka pelajari dan mereka segera bertindak memperbaiki dan membetulkannya. Sementara itu guru pula berpeluang dan berkesempatan membaiki dan meningkatkan kemahiran pengajaran mereka.

2.5 Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Proses Pengajaran Maf'u:l Bih.

Sesuatu pengajaran nahu secara amnya dan *maf'u:l bihnya* khasnya tidak akan tercapai dan terlaksana matlamatnya tanpa sumbangan faktor-faktor yang lain. Maksudnya selain daripada faktor-faktor pendekatan, kaedah, teknik, strategi dan kecekapan guru, faktor penggunaan alat bantu mengajar juga turut serta menyumbangkan kejayaan proses pengajaran tersebut. Penggunaan alat tersebut dapat membantu guru-guru menjimatkan masa mengajar iaitu mereka tidak perlu menulis topik-topik pengajaran di papan putih.

Secara tidak langsung alat bantu mengajar mampu merangsang minat belajar di kalangan para pelajar. Mereka tidak berasa bosan apabila guru menggunakan kepelbagaian alat bantu mengajar. Pelajar akan lebih tertarik dan lebih seronok mengikuti setiap bahan-bahan pengajaran yang disampaikan oleh guru mereka.

Atan Long (1982:174) menjelaskan maksud alat bantu mengajar terdiri daripada pelbagai bahan. Sesuatu bahan boleh disampaikan dengan berbagai-bagai cara. Umpamanya sesuatu bahan itu mungkin diterbitkan dalam bentuk buku, carta dan sebagainya.

Alat-alat bantu mengajar yang digunakan di Kolej Islam Pahang terdiri daripada alat-alat elektronik seperti radio, televisyen, LCD, projektor overhead, pita video dan sebagainya.

Cara alat-alat media elektronik tersebut digunakan adalah mengikut keperluan subjek dan topik yang disampaikan. Contohnya dalam pengajaran *maf'u:l bih*, penggunaan televisyen, pita video dan pemain cakera padat (*vcd player*) turut digunakan khususnya untuk menayangkan filem-filem drama Arab.

Pelajar diminta menumpukan sepenuh perhatian kepada tayangan filem tersebut. Kemudian guru akan menghentikan (*pause*) seketika tayangan untuk menulis perkataan-perkataan *maf'u:l bih* dalam filem tersebut di papan putih.

Senario ini akan berterusan selama beberapa minit sehingga banyak perkataan *maf'u:l bih* yang dikutip daripada filem dicatatkan. Guru seterusnya mengarahkan pelajar menyalin semula perkataan-perkataan yang terpampang di papan putih.

Sejurus tayangan filem tamat, sesi perbincangan dan soal jawab diadakan antara guru dengan pelajar mengenai fungsi *maf'u:l bih* yang terdapat dalam filem tersebut. Jika masih terdapat kalangan pelajar yang kurang faham dan kurang jelas mengenai dialog-dialog yang tertera di kaca televisyen tadi, guru akan mengulangkayang kembali filem tersebut dan akan memastikan pelajar benar-benar faham.

Penggunaan radio dan pita kaset kadangkala turut diguna pakai walaupun tidak sekerap penggunaan televisyen. Namun begitu ia tetap berperanan menjadi salah satu alat bantu mengajar yang berkesan. Penggunaan radio ini ialah dengan cara guru memainkan pita kaset yang berkaitan dengan topik *maf'u:l bih*.

Guru akan meminta pelajar menumpukan pendengaran mereka kepada kaset yang dipasang. Guru akan memainkan kaset tersebut secara berulang kali untuk membantu pelajar benar-benar dapat meneliti isi bahan kandungan kaset tersebut.

Pelajar juga disuruh menulis apa yang mereka dengar dan faham melalui kaset tersebut. Guru meminta pelajar menerangkan kefahaman mereka mengenai topik yang mereka dengar. Seterusnya guru pula yang akan menerangkan dengan lebih lanjut topik tersebut dan meminta pelajar membuat perbandingan antara kefahaman mereka sebelum dan selepas guru menyampaikan penerangannya. Secara tidak langsung penggunaan audio visual akan merangsang kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan juga menulis dengan lebih berkesan di kalangan pelajar.

Melalui guru-guru yang kreatif dan berpengalaman menggunakan internet, mereka akan melayari laman-laman web radio dan televisyen Arab seperti web radio BBC (British Broadcasting Council), web televisyen Al-Manar, Al-Jazeera, Al-Nil dan sebagainya lagi. Tugas mereka ialah melakukan proses (*download*) atau proses "muat turun" untuk dirakamkan sama ada dalam kaset atau pun di dalam cakera video padat. Melalui teknik ini akan membantu guru memperkayakan kepelbagaian penyampaian pengajaran dengan mempamerkan penggunaan bahan-bahan yang menarik minat pelajar.

Di samping penggunaan radio, pita kaset, televisyen, pemain video cakera padat dan pita video, penggunaan projektor overhead dan LCD telah biasa digunakan. Pihak pentadbiran Kolej Islam Pahang sebenarnya amat menggalakkan para pensyarahnya menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Ini termasuklah kemudahan penggunaan LCD, projektor overhead, komputer dan internet.

Pihak kolej turut mementingkan kualiti pengajaran pensyarah yang bermutu agar dapat menyumbangkan impak yang besar ke arah menarik lebih ramai pelajar menyertai kolej ini.

Pihak kolej juga memberikan latihan-latihan khusus kepada para pensyarah mengenai kemahiran menggunakan peralatan bantu mengajar untuk menjamin jangka hayat peralatan tersebut lebih lama dapat digunakan dan pada masa yang sama pengajaran yang berkesan dapat diwujudkan.

Selain penggunaan alat-alat media elektronik, penggunaan peralatan media cetak juga digunakan dengan meluasnya. Contohnya penggunaan buku-buku teks, buku nota, nota-nota, kamus-kamus Arab dan kamus dwibahasa, majalah, keratan akhbar, kertas majong, carta dan sebagainya. Kesemua jenis peralatan tersebut memainkan peranan penting ke arah meningkatkan mutu dan keberkesanan pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Kamarudin Hj. Husin (1988:248) telah memetik kata-kata (Wayne F. Virag, 1976):

"Seseorang individu dalam suasana pembelajaran adalah tertakluk kepada pelbagai bahan pengajaran, teknik-teknik dan peringkat-peringkat penyampaian pengajaran. Suasana pembelajaran ini pula adalah dipengaruhi oleh faktor seperti kaedah penyampaian dan bahan pengajaran yang digunakan dalam suasana fizikal yang direka untuk pembelajaran. "

2.6 Rumusan

Rumusan yang dapat disimpulkan ialah penggunaan variasi alat bantu mengajar sama ada media elektronik atau pun media cetak memudahkan dan menjimatkan masa guru serta mendorong dan merangsang minat para pelajar untuk menghayati sepenuhnya pengajaran guru. Tanpa penggunaan alat bantu mengajar, seseorang guru belum tentu dapat menyampaikan pengajarannya dengan berkesan dan sempurna.

Guru juga sewajarnya menjalankan muhasabah diri untuk menyemak kembali perlakuan dan tindakannya semasa berada di dalam kelas. Ini penting untuk guru memperbaiki segala kekurangan dan kelemahan yang tidak disengajakan semasa menyampaikan pengajaran di dalam kelas.

Dalam pendidikan istilah *refleksi* dirujuk sebagai satu cara atau teknik bagi seseorang guru membuat penelitian terhadap segala tindakan yang dilakukannya semasa berada bersama para pelajar di dalam kelas. Guru akan menyoal dirinya sendiri adakah pengajarannya menepati objektif yang ditentukan atau hanya sekadar ingin menghabiskan sukatan pelajaran secepat mungkin? Dengan lain perkataan guru kadangkala menyangka apa yang disampaikan difahami oleh pelajarinya sedangkan pada hakikat sebenarnya apa yang berlaku adalah sebaliknya. Jika inilah yang terjadi maka matlamat pengajaran akan tersasar jauh daripada landasan yang telah ditetapkan oleh sukatan pelajaran yang telah digubal.

Maka akan kedengaranlah kepada kita suara-suara sumbang yang hanya menjadikan para guru sebagai sasaran kritikan dan apa yang lebih dahsyat daripada itu ada pihak

yang menuduh institusi kolej swasta hanya mementingkan keuntungan dan membelakangkan mutu pengajaran dan pendidikan. Tuduhan-tuduhan melulu yang selalu dilemparkan khususnya kepada guru-guru yang mengajar di kolej swasta ialah pihak kolej hanya mengamalkan sistem "tangkap muat" untuk memilih tenaga-tenaga pengajar mereka.

Sebagai jalan penyelesaiannya apa yang patut dilakukan ialah melihat sendiri dengan lebih dekat bagaimana sukarnya tugas sebagai seseorang guru untuk membuat persiapan yang terbaik kepada para pelajarnya. Penulis suka menyatakan pendapat dan pendirian sesuatu misi pengajaran tidak akan tercapai tanpa adunan dan jalinan sejati antara pendekatan, kaedah, teknik, strategi, alat bantu mengajar, pengalaman guru dan kesungguhan pelajar untuk menghayati pengajaran guru mereka.

Tiada ertinya alat bantu mengajar yang canggih, kemudahan yang selesa, guru yang cekap dan mahir, kaedah pengajaran yang tersusun dan teratur tetapi pelajar sendiri tidak berusaha dan tidak tekun untuk memajukan diri mereka sendiri. Pelajar wajar mempunyai prinsip dan jati diri untuk meningkatkan kebolehan dan kemahiran mereka menguasai setiap topik yang dipelajari.